

UNTUK SIARAN SEGERA

Pengecualian Cukai PRS yang Dilanjutkan Sehingga 2025 akan Menguntungkan Penyimpan

Petaling Jaya (4 Dis 2020): Private Pension Administrator Malaysia (PPA) berasa sukacita dengan Bajet 2021 baru-baru ini yang telah melanjutkan Pengecualian Cukai Skim Persaraan Swasta (PRS) sebanyak RM3,000 sehingga tahun 2025.

Pengecualian Cukai PRS yang diberikan kepada para individu yang menyimpan dalam skim sukarela telah terbukti efektif dalam menggalakkan rakyat Malaysia untuk membuat lebih simpanan untuk persaraan mereka.

"Melanjutkan Pengecualian Cukai PRS sehingga 2025 adalah satu langkah positif oleh kerajaan yang melihat persediaan Rakyat ke arah kesejahteraan persaraan sebagai satu kepentingan nasional, terutamanya dalam tempoh yang mencabar ini," ujar Datuk Zaiton Mohd Hassan, Pengerusi PPA, pentadbir pusat PRS.

Hampir setengah juta Ahli PRS telah membuat caruman terkumpul sebanyak RM4.4 billion dalam nilai aset bersih. Sekiranya anda masih belum mula menyimpan di PRS, maka inilah masa terbaik untuk anda mengambil peluang daripada Pengecualian Cukai PRS dan perkhidmatan Pendaftaran PRS Online. Manakala bagi Ahli PRS yang masih belum memaksimumkan pengecualian cukai mereka untuk tahun 2020, mereka juga boleh Tambah Nilai akaun PRS mereka pada bila-bila masa, di mana sahaja menerusi aplikasi PRS Online.

Di samping itu, dari sekarang sehingga 14 Disember 2020, pencarum baru berpeluang untuk menambahkan lagi simpanan persaraan mereka melalui peraduan 'Jom PRS, Get Treats!' PPA, di mana cabutan bulanan dan ganjaran bernilai sehingga RM30,000 dalam bentuk unit tersedia untuk dimenangi. Selain itu, Penyedia PRS yang turut serta juga menyediakan ganjaran tambahan untuk pencarum.

Walaupun dalam tahun yang mencabar disebabkan pandemik COVID-19, industri PRS kekal berdaya saing. Berikut adalah rumusan prestasi Dana PRS, setakat 31 Oktober 2020:

Kategori Dana PRS	Pulangan* (Konvensional)	Pulangan* (Patuh Syariah)
Konservatif	4.59%	4.19%
Sederhana	6.42%	5.48%
Pertumbuhan	6.84%	7.62%
Bukan Teras	11.15%	8.84%

Sumber: Morningstar

*Pulangan merupakan pulangan tahunan sejak diperkenalkan.

Pada tahun ini, disebabkan pelaksanaan penjarakan fizikal, PPA telah menjalankan hampir kesemua inisiatif pendidikan kewangan secara atas talian, antaranya adalah menerusi siri webinar, laman web

e-pendidikan yang berwajah baru serta produksi untuk video bersiri enam episod tentang simpanan dan perancangan persaraan dengan PRS.

PRS dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

- TAMAT -

Mengenai PPA

Private Pension Administrator Malaysia (PPA) adalah pentadbir pusat untuk Skim Persaraan Swasta (PRS). PPA adalah badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan ditubuhkan untuk mentadbir dan mempromosikan pertumbuhan industri PRS.

Peranan penting PPA adalah untuk menguruskan akaun berpusat seumur hidup bagi Ahli PRS. PPA secara berterusan menekankan kepentingan membuat simpanan persaraan melalui PRS dengan menjadi pusat sumber sehati untuk orang ramai mengenai pendidikan persaraan dan PRS di Malaysia. Ini termasuklah pelaksanaan inisiatif tambah nilai seperti program pemasaran untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai, selain kerjasama dengan badan berkepentingan yang meliputi universiti, media dan agensi kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk menyimpan lebih banyak untuk masa depan dengan PRS. Perkhidmatan PRS Online yang dibangunkan oleh PPA membolehkan orang ramai dan Ahli PRS untuk mendaftar dan menambah caruman PRS mereka melalui komputer dan peranti pintar dengan mudah, selesa dan selamat.

Mengenai PRS

Skim Persaraan Swasta (PRS) adalah skim simpanan dan pelaburan sukarela jangka panjang yang direka untuk membantu rakyat Malaysia menyimpan lebih banyak untuk persaraan mereka. PRS berusaha untuk meningkatkan pilihan bagi semua rakyat Malaysia sama ada bekerja atau bekerja sendiri untuk menambah simpanan persaraan mereka di bawah persekitaran yang tersusun dan dikawal selia. Terdapat lapan Penyedia PRS yang menawarkan 57 pilihan dana persaraan, di mana individu boleh memilih untuk melabur berdasarkan keperluan persaraan, matlamat dan tahap risiko mereka sendiri. Opsyen dana di bawah PRS adalah bertujuan untuk meningkatkan pulangan jangka panjang untuk Ahli dalam rangka kerja yang dikawal selia. Rakyat Malaysia mempunyai pilihan untuk menyimpan di PRS melalui pelbagai saluran seperti PRS Online, Penyedia PRS dan hampir 25,000 Perunding PRS.

PRIVATE PENSION ADMINISTRATOR MALAYSIA

Talian media:

Serena Lim, Head of Marketing | serena.lim@ppa.my

Ernest Chua, Assistant Manager, Contents and Communication | ernteck.chua@ppa.my
